

# Pekerja Bangladesh penting

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan terus mengambil pekerja Bangladesh bagi menampung keperluan guna tenaga berikutan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, pembangunan pesat ekonomi negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini antara lain disebabkan oleh faktor kestabilan politik, dasar yang konsisten serta pelbagai insentif kepada pelabur dalam dan luar negara.

Menurutnya, berikutan kejayaan pendekatan yang dilaksanakan itu, negara kini mempunyai guna tenaga penuh.

"Kita terpaksa bergantung kepada tenaga buruh asing. Saya mengakui sumbangan tenaga kerja Bangladesh.

"Oleh kerana perkara ini

adalah dasar, kerajaan akan terus menerima kemasukan tenaga buruh dari Bangladesh," katanya pada majlis makan malam meraikan rakan sejawatannya dari Bangladesh, Begum Khaleda Zia, di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, kejayaan ekonomi negara bukan disebabkan faktor tunggal, sebaliknya kerana adanya bantuan dari negara yang mempunyai teknologi terkini serta negara membangun seperti Bangladesh yang menawarkan bantuan tenaga kerja.

Menurutnya, hubungan tradisi yang rapat antara kedua-dua negara adalah asas kukuh bagi kerjasama pada masa depan.

"Adalah harapan saya, hubungan persaudaraan yang wujud antara Malaysia dan Bangladesh akan terus diper-

tingkatkan dengan lawatan Puan Khaleda ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, faedah perbandingan yang dimiliki oleh Bangladesh, diadunikan dengan keupayaan modal dan teknologi, menyediakan asas bagi kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Menurutnya, bagi mengemblem sepenuhnya potensi perdagangan dan peluang ekonomi di setiap negara, adalah penting kerajaan kedua-dua negara menggerakkan sumber-sumber dalam sektor swasta.

Beliau berkata, selain itu juga ada banyak bidang yang membolehkan kerjasama kedua-dua negara seperti pengambilan tenaga kerja dari Bangladesh, pertukaran kebudayaan, penerbangan, perlindungan pelaburan, perdagangan, perniagaan dan

bantuan teknikal.

"Malaysia dan Bangladesh mempunyai hubungan rapat dan berkongsi wawasan yang sama serta akidah Islam yang kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata, penguatan kerjasama perdagangan dan ekonomi di kalangan negara membangun menjadi keutamaan Malaysia dan potensi itu begitu menggalakkan dengan Bangladesh.

Menurutnya, walaupun perdagangan antara Malaysia dan Bangladesh adalah kecil, iaitu kira-kira 0.8 peratus daripada jumlah perdagangan luar Malaysia, ada tanda-tanda yang positif.

"Pada tahun lalu, perdagangan dua hala berjumlah RM194 juta yang meningkat sebanyak 4.8 peratus, berbanding tahun sebelumnya," katanya.